

## TELADAN

# Lotus Creation Bangkit Semula

Risiko, Minat, Keyakinan serta Peranan Roadcare

Oleh Wan Ghazali Md Noor

Cuma dua tahun setelah meninggalkan dunia pendidikan yang telah diceburinya selama lima belas tahun, Lotus Creation Sdn Bhd dan pemiliknya, Encik Haradzi Harun, 43, tiba-tiba dikejutkan oleh satu episod ngeri. Pukulan kemelesetan ekonomi dan krisis kewangan 1997 begitu dahsyat sekali. Kata Encik Haradzi, " Projek langsung tiada. Pejabat terpaksa ditutup. Yang tinggal hanyalah sebuah kereta. Itupun kadang-kala terpaksa disembunyikan!"

Namun dia tidak menyesal.

Dia tetap yakin bahawa keputusannya untuk berniaga sepenuh masa sememangnya tepat. Demi memberikan tumpuan yang serius terhadap perniagaan, Encik Haradzi bersama isterinya tekad mengambilalih sepenuhnya syarikat yang telah dimulakan oleh seorang kawan mereka, Encik Ahmad Radzi.

Pada mulanya dia mengorak langkah di dalam kerja-kerja "signages" dan lanskap. Syarikatnya diberi kepercayaan oleh agensi-agensi kerajaan seperti JKR, PMINT dan Felcra. Selain dari itu, dia juga menceburkan diri di dalam kerja-kerja pembinaan.

Semasa ditemui oleh *Suara Roadcare*, dia tidak lupa merakamkan terima kasih kepada Roadcare. Kata Encik Haradzi, 'Bagi saya, Roadcarelah penyelamat Lotus Creation yang membolehkan syarikat ini bangkit kembali.'

Lebih dikenali sebagai Cikgu Haradzi, dia adalah salah seorang kontraktor Roadcare yang dianggap berjaya di Terengganu. Pengarah Urusan Lotus Creation ini telah diberi kepercayaan oleh Roadcare (M) Sdn. Bhd bagi menjalankan kerja-kerja rutin penyelenggaraan jalan di laluan R3,459,1705,1706 dan laluan I32. Manakala kerja lanskap pula ialah bagi jalan protokol R3.

Dia tidak menghampakan peluang yang diberi kepadanya. Ujar seorang pemerhati, "Kerja-kerja lanskap Lotus Creation sangat baik. Cikgu Haradzi juga memberi perhatian serta-merta terhadap apa-apa yang pihak Roadcare atau JKR tidak berpuas hati."

Kariernya bermula sebagai seorang kerani pada tahun 1977, di Limbungan Timur dan Caltex (M) Sdn Bhd, sebelum melangkah ke bidang perhotelan pula



setahun kemudian. Encik Haradzi bertugas sebagai Penyelia Pantai Motel, sekarang Primula Park Royal, di antara tahun 1978 - 1980. Semasa di sana, dia sering saja dirujuk bagi membuat perhiasan untuk majlis-majlis besar yang diadakan di Pantai Motel.

Yang pasti, minat mengajar juga ada pada jiwanya.

Ditambah dengan keperluan mendapatkan pendapatan yang lebih terjamin, Encik Haradzi bertukar bidang apabila memasuki Maktab Perguruan Pengkalan Chepa pada tahun 1980. Seterusnya dia mengajar di dua buah sekolah rendah di negeri Terengganu selama 15 tahun.

Semasa mengajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Diman, minatnya terhadap kerja-kerja lanskap timbul.

Guru Besar ketika itu, Puan Khatijah Awang (bekas senator) telah memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada Encik Haradzi, yang dilantik sebagai pengerusi keceriaan dan kecantikan sekolah.

Semasa di Sekolah Kebangsaan Bukit Nenas pula, di atas inisiatifnya, dia berjaya membawa sekolah tersebut menjadi johan keceriaan dan kecantikan selama tiga tahun berturut-turut di dalam kategori Sekolah Rendah Luar Bandar peringkat negeri Terengganu (1994-1996). Manakala di peringkat kebangsaan pula, sekolah itu telah merangkul naib johan selama dua tahun berturut-turut (1994-1995). Dia juga pernah membawa sekolah tersebut bertanding di peringkat negeri di dalam kategori koir dan nasyid.

Bakat seni memang ada dalam dirinya.

Minatnya bukan sahaja tertumpu di bidang lanskap tetapi juga di dalam bidang nyanyian dan muzik. Di samping berkaraoke, dia gemar bermain alat muzik terutama gitar.

Kini Lotus Creation mula mendapat perhatian dari IWK untuk kerja-kerja "refurbishment" untuk kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Nilai kontrak yang diperolehi bulan April lalu ialah RM400,000 setahun.

Di dalam bidang politik pula, Encik Haradzi pernah menjawat jawatan Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kuala Terengganu serta Exco Pemuda



UMNO Terengganu (1993-1999). Kini dia adalah seorang AJK UMNO Bahagian serta Pengerusi Biro Latihan dan Perkaderan.

Walaupun bagaimanapun, tumpuannya sekarang lebih kepada syarikat, khususnya terhadap rancangan menaik kelas Lotus Creation (sekarang Kelas E) disamping mempelbagai sektor perniagaan yang diceburinya. **SR**



#### Ciri-Ciri Kontraktor Contoh (Menurut Cikgu Haradzi)

- 1 **Jujur & Komited Terhadap kerja**
- 2 **Ukur & Ikut Kemampuan:  
Jangan Overstretch**
- 3 **Sentiasa Tambah Ilmu  
Pengetahuan**
- 4 **Timing yang Sesuai**
- 5 **Jaga Hubungan Baik**
- 6 **Meyakinkan & Mampu Buat Kerja  
Sendiri**
- 7 **Pengurusan Kewangan Yang  
Cekap**